

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS ANUGERAH BAKTI  
DAN KEGEMILANGAN PELAJAR UTeM**

**TEMPAT:  
DEWAN BESTARI  
AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :  
27 OKTOBER 2007**

TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROF. Ir. ISMAIL BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM SEMPENA MAJLIS ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN PELAJAR UTeM PADA 27 OKTOBER 2007 DI DEWAN BESTARI, AYER KEROH, MELAKA JAM 8.30 MALAM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

YBHG PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH, TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UTeM

YBHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHD DIAH,  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI), UTeM

YBHG DATO' PROF DR. MOHD NOR BIN HUSAIN,  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

SAUDARA MOHAMAD FIRDAUS BIN ABD RAHMAN,  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
DAN BARISAN EXCO MPP,

PARA PELAJAR DAN SETERUSNYA HADIRIN DAN  
HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

SYUKUR ALHAMDULILLAH, DENGAN LIMPAH DAN INAYAH ALLAH SWT KITA DAPAT BERHIMPUN PADA MALAM INI BAGI MENERUSKAN SATU LAGI PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR IAITU MAJLIS ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN PELAJAR UTeM TAHUN 2007. SEMOGA MAJLIS INI MENDAPAT

KEBERKATAN DAN KEREDHAAN DARI ALLAH SWT JUA.

SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI KERANA MENGUNDANG SAYA KE MAJLIS INI UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN DAN SETERUSNYA MENYAMPAIKAN ANUGERAH KEPADA PELAJAR-PELAJAR YANG BERJAYA.

SESUNGGUHNYA MAJLIS YANG DIADAKAN INI AMATLAH *SIGNIFICANT* DENGAN USAHA PIHAK UNIVERSITI UNTUK MENINGKATKAN MOTIVASI PELAJAR SUPAYA LEBIH BERSEMANGAT UNTUK BERJAYA SEMASA MENUNTUT DI UTeM. DI SAMPING ITU MAJLIS INI JUGA MERUPAKAN SATU PENGIKTIRAFAN KEPADA MEREKA YANG TELAH MENGHARUMKAN NAMA UNIVERSITI DALAM BIDANG-BIDANG YANG DICEBURI.

SEPERTI MANA YANG TELAH DINYATAKAN DALAM UCAPAN YBHG. DATUK PROFESOR MOHD. NOR BIN HUSAIN, DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI SEBENTAR TADI BAHAWA TERDAPAT 10 ANUGERAH AKAN DIBERIKAN PADA MALAM INI. ANUGERAH-ANUGERAH YANG DIBERIKAN ADALAH MENYELURUH DALAM PELBAGAI KATEGORI IAITU YANG MELIPUTI ANUGERAH SUKAN, KEBUDAYAAN, KEPIMPINAN, KEMASYARAKATAN DAN DEBAT.

NAMUN BEGITU SAYA INGIN BERPESAN KEPADA SEMUA PELAJAR SUPAYA JANGAN MENGHARAPKAN GANJARAN SEMATA-MATA PADA SETIAP KEJAYAAN YANG KITA PEROLEHI. APA YANG LEBIH PENTING IALAH KITA DAPAT MEMPELAJARI DAN MEMUPUK NILAI-NILAI POSITIF YANG ADA PADA DIRI KITA SEMASA KITA MENGEJAR SESUATU KECEMERLANGAN ATAU KEJAYAAN.

NILAI-NILAI POSITIF DIRI SEPERTI BERILTIZAM TINGGI, SEMANGAT KERJA BERPASUKAN, KERJASAMA PADU, TIDAK MUDAH BERPUTUS ASA, BERSATU HATI DAN SEBAGAINYA ADALAH PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPELAJARI. IA MERUPAKAN SATU PENGALAMAN YANG DAPAT MEMATANG DAN MENDEWASAKAN KITA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

DALAM PELAN STRATEGIK UNIVERSITI 2006-2010, KITA TELAH MENETAPKAN 8 OBJEKTIF UTAMA YANG PERLU DICAPAI OLEH UTeM SUPAYA KITA BOLEH MENJADI SEBUAH UNIVERSITI YANG TERKEMUKA DI DUNIA. OBJEKTIF YANG DITETAPKAN INI JUGA ADALAH SELARI DENGAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA YANG TELAH DILANCARKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA.

ANTARA OBJEKTIF YANG DITETAPKAN BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN UTeM INI KHUSUSNYA KEPADA PELAJAR IALAH 'MELAHIRKAN GRADUAN YANG KOMPETEN DAN BERSAHSAH MURNI YANG MENJADI PILIHAN UTAMA INDUSTRI'.

UNTUK ITU PIHAK UNIVERSITI TELAH MENETAPKAN 8 STRATEGI BAGI MENJAYAKANNYA IAITU:

- I. MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMILIKI PENCAPAIAN AKADEMIK YANG CEMERLANG
- II. MELAHIRKAN GRADUAN YANG MAMPU MENGAPLIKASIKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRANNYA.
- III. MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMILIKI KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DALAM SATU BAHASA ANTARABANGSA.

- IV. MELAHIRKAN GRADUAN YANG KREATIF DAN INOVATIF.
- V. MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI DAYA KEPIMPINAN YANG CEMERLANG.
- VI. MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERAKHLAK MULIA.
- VII. MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI JATI DIRI.
- VIII. MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI KEMAHIRAN GENERIK YANG MEMBUATKAN MEREKA *MARKETABLE* DAN *EMPLOYABLE*.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

USAHA-USAHA MENCAPAI OBJEKTIF INI DILAKSANAKAN MELALUI PELAN TINDAKAN YANG

KOMPREHENSIF IAITU ANTARANYA DENGAN MENGAMBIL KIRA KANDUNGAN PROGRAM YANG DITAWARKAN BERKUALITI TINGGI, MEMASTIKAN PENGLIBATAN PIHAK INDUSTRI DALAM PEMBANGUNAN SILIBUS DAN KURIKULUM, MEMBANGUNKAN MODUL KEPIMPINAN PELAJAR, MENYEDIAKAN RUANG DAN PELUANG UNTUK PELAJAR MENGGILAP BAKAT KEPIMPINAN, MERANCANG DAN MENGANJURKAN PELBAGAI AKTIVITI PEMBINAAN SAHSIAH PELAJAR DAN SEBAGAINYA.

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB TELAH MENGAMBIL TINDAKAN-TINDAKAN PERLU BAGI MEMASTIKAN PARA PELAJAR YANG DILAHIRKAN OLEH UTeM MEMENUHI OBJEKTIF YANG DITETAPKAN SAMA ADA OLEH FAKULTI MAHUPUN PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI.

INI DAPAT DILIHAT APABILA UNIVERSITI TIDAK SAHAJA MENUMPUKAN PERHATIAN DALAM ASPEK PEMBANGUNAN AKADEMIK SAHAJA TETAPI JUGA MENGANJURKAN AKTIVITI-AKTIVITI PELAJAR YANG DAPAT MENINGKATKAN KEMAHIRAN INSANIAH SEPERTI MENGANJURKAN AKTIVITI KESUKANAN, KEBUDAYAAN, PROGRAM BAKTI SISWA, PERTANDINGAN DEBAT, PROGRAM PATRIOTISME, AKTIVITI KEAGAMAAN, REKREASI DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

PARA MAHASISWA PERLU MEMPUNYAI SIKAP DAN BUDAYA PRESTASI TINGGI (*EMBRACE A CULTURE OF HIGH PERFORMANCE*) DALAM SEMUA BIDANG SEKIRANYA INGIN MENJADI INDIVIDU YANG CEMERLANG. UNTUK ITU ANDA PERLU MEMASTIKAN DIRI BENAR-BENAR BERSEDIA DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG TINGGI SERTA

BERTINDAK PROAKTIF SUPAYA BENAR-BENAR KOMPETEN.

KITA PERLU MENGUBAH MINDA DAN SIKAP UNTUK MELAKUKAN SESUATU PERKARA DENGAN TEKUN DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENGEJAR KEGEMILANGAN SAMA ADA PADA PERINGKAT UNIVERSITI, NEGARA MAHUPUN ANTARABANGSA. DENGAN CARA ITU SAYA PERCAYA SETIAP DARI KITA AKAN MENJADI INSAN YANG CEMERLANG PADA SETIAP MASA.

PIHAK UNIVERSITI TELAH MEMPERLENGKAPKAN ANDA DENGAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DIRI SUPAYA MENJADI INDIVIDU CEMERLANG SEPANJANG PENGAJIAN DI SINI. YANG PENTING SEKARANG IALAH ANDA PERLU MEMBERI KOMITMEN UNTUK MEMASTIKAN DIRI ANDA BERJAYA, IAITU DENGAN MEMPUNYAI NILAI TAMBAH DIRI (*VALUE ADDED*) BAGI MEMASTIKAN

ANDA *MARKETABLE* DI PASARAN DAN SETERUSNYA BERJAYA DALAM KEHIDUPAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN NANTI.

SEKIAN TERIMA KASIH

WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH, ASM WRT WBT

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PELAJAR YANG MENERIMA ANUGERAH PADA MALAM INI. SEMOGA ANUGERAH YANG DITERIMA AKAN MENJADIKAN ANDA LEBIH BERJAYA DAN SETERUSNYA DAPAT MENGHARUMKAN NAMA UNIVERSITI PADA MASA AKAN DATANG.

SAYA MERAKAMKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK HEPA KERANA MENGUNDANG SAYA PADA MAJLIS INI SERTA TAHNIAH KEPADA PIHAK URUSETIA YANG BERJAYA MENGANJURKAN MAJLIS PENTING INI DEMI PEMBANGUNAN UNIVERSITI.